

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital

Tarikh: 31 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Bincangkan dengan ringkas cara-cara yang boleh digunakan untuk mengirakan penggunaan bendalir IV dengan additif dan keperluan kakitangan untuk suatu rancangan admixture. Apakah alat-alatan yang diperlukan di jabatan ini.

(25 markah)

2. (A) Berikan satu carta organisasi untuk bahagian farmasi.
Terangkan fungsi-fungsi utama bahagian-bahagian berikut di sebuah farmasi hospital:

- (a) Perkhidmatan pesakit luar
- (b) Penyelidikan farmaseutik
- (c) Perkhidmatan penerangan ubat

(12 markah)

- (B) Senaraikan kesulitan dalam menyukat prestasi sistem bekalan.

(13 markah)

3. Terangkan cara-cara yang anda boleh mengambil untuk memastikan bekalan dalam simpanan sebuah setor tiada menghadapi kekurangan ataupun berlebihan.

(25 markah)

4. Encik A telah dimasukkan ke Hospital Universiti U.S.M sebulan lepas kerana mengalami kanser rektum. Dia telah dibedah dua minggu lepas untuk mengeluarkan sel kanser tersebut. Di masa kini dia dirawat dengan radioterapi.

Dua hari yang lepas pesakit mengalami jangkitan di tapak pembedahan kebocoran di bahagian anastomosis. Pesakit telah dilarang mengambil sebarang makanan secara oral dan pakar bedah ingin memulakan nutrisi parenteral total pada pesakit ini.

Maklumat yang diperolehi mengenai pesakit termasuk: umur 25 tahun, berat badan 45 kg, tinggi 165 sm, B.P. 120/65 mmHg, PR 100/min, T 38.5°C dan RR 30/min.

Laporan makmal yang diperolehi termasuk: Natrium serum 140 mEq/l, Kalium 4 mEq/l, Ca 2mMol/l, Glukosa 8 mMol/l, BUN 6, SrCr 2, I/O 1900/1500 ml dan keluaran ostomi 500 ml.

- (i) Kirakan keperluan tenaga pesakit untuk 24 jam.
- (ii) Kirakan keperluan komponen tenaga yang diperlukan untuk pesakit ini.
- (iii) Berikan cadangan regimen untuk pesakit ini.

(25 markah)

...4/-

5. Terangkan dengan ringkas kaedah untuk menjalankan dan penganalisaan parameter pemantauan berikut:

- (i) Lilitan lengan atas dan lipatan kulit trisep.
- (ii) Serum albumin.
- (iii) Keseimbangan nitrogen.
- (iv) Ujian kulit dengan antigen.

(25 markah)